



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**10 Jun 2020**

### **MCMC SAMBUT BAIK PELANTIKAN DR. FADHLULLAH SUHAIMI ABDUL MALEK SEBAGAI PENGERUSI MCMC YANG BAHARU**

Pihak pengurusan serta seluruh kakitangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merakamkan ucapan tahniah dan menyambut baik pelantikan Yang Berusaha Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek sebagai Pengerusi MCMC yang baharu bagi tempoh selama dua (2) tahun berkuat kuasa hari ini.

Dr. Fadhlullah mengambil alih kepimpinan MCMC daripada Encik Al-Ihsal Ishak yang menerajui Suruhanjaya sejak 1 Oktober 2018 lalu.

Dr. Fadhlullah mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam sektor telekomunikasi dan pernah berkhidmat di MCMC sebagai anggota Suruhanjaya serta sebagai Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian, Pemantauan Media Baharu, Pematuhan dan Advokasi. Sebelum pelantikannya sebagai Pengerusi MCMC, Dr. Fadhlullah pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Perdana.

MCMC yakin pengalaman luas Dr. Fadhlullah dalam sektor telekomunikasi mampu memberi kelebihan kepada beliau untuk mengukuhkan peranan dan prestasi Suruhanjaya bagi memastikan agenda-agenda seperti meningkatkan liputan infrastruktur jalur lebar, kualiti perkhidmatan telekomunikasi talian tetap dan mudah alih, penyiaran, perkhidmatan pos dan kurier, serta persediaan ke arah 5G dan urus tadbir, dapat dilaksanakan bagi memacu industri telekomunikasi dan multimedia negara.

MCMC juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Al-Ihsal Ishak atas sumbangan dan perkhidmatan beliau sepanjang tempoh menerajui MCMC.

---

**Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) atau hubungi Jabatan Komunikasi Korporat:

Kamalavacini Ramanathan  
Pengarah  
Tel: +6010-2251073

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah  
Tel: +6012-2995027

Mohd Faizal Azizan  
Timbalan Pengarah  
Tel: +6011-2828 6745

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



SKMM\_MCMC



SKMM\_MCMC



MCMCTV